Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kuala Lumpur, 3 Julai 2026

KitKat® Formula 1® Gegarkan Malaysia dengan Aksi Perlumbaan

Kerjasama ini membawakan debaran Formula 1® kepada rakyat Malaysia menerusi promosi eksklusif, cabaran interaktif dan ribuan hadiah menarik.



Malaysia kini secara rasmi menyertai sambutan KitKat® Formula 1®!

Selama lebih 60 tahun, slogan ikonik **'Have a Break, Have a KitKat®'** telah mengajak orang ramai untuk berhenti sejenak, menyegarkan minda dan memulihkan tenaga. Dalam dunia Formula 1®, pada kelajuan 200 batu sejam, 'pit stop' merupakan detik paling kritikal, apabila setiap saat dimanfaatkan untuk melakukan pelarasan penting sebelum kembali ke litar. Melalui kerjasama ini, KitKat® membawa semangat tersebut kepada

rakyat Malaysia, dengan mengingatkan mereka tentang pentingnya menikmati ‘pit stop’ sendiri di tengah kesibukan rutin harian.

Perkongsian falsafah inilah yang menjadi tunjang kerjasama antara KitKat® dan Formula 1®. Bersempena ulang tahun ke-90 KitKat® dan ulang tahun ke-75 Formula 1®, kerjasama berbilang tahun ini menyatukan peminat kedua-dua jenama melalui pelbagai aktiviti dan pengalaman interaktif di Grand Prix yang terpilih sepanjang 2026. Kini, Nestlé Malaysia berbangga membawa keterujaan acara global ini kepada para peminat tempatan.

Di Malaysia, kempen KitKat® Formula 1® (F1®) menampilkan siri jelajah imersif serta rangkaian coklat KitKat® F1® edisi terhad. Kempen ini turut membuka peluang kepada para peminat untuk memenangi perjalanan lengkap ke FORMULA 1 SINGAPORE AIRLINES SINGAPORE GRAND PRIX 2026, salah satu acara perlumbaan paling dinanti-nantikan di Asia. Inisiatif berskala nasional ini bertujuan membawa debaran sukan permotoran elit kepada rakyat Malaysia.

“Formula 1® telah berkembang menjadi salah satu fenomena budaya paling berpengaruh pada era ini, yang menarik minat generasi baharu peminat di Malaysia dan rantau ini. Kerjasama ini dibawa ke Malaysia sebagai lanjutan kepada misi KitKat® untuk mengingatkan orang ramai agar berhenti sejenak, menyegarkan diri dan menikmati setiap detik. Kami mahu setiap rakyat Malaysia, tidak kira peminat setia Formula 1® mahupun yang baru mengenali sukan ini, dapat merasai keterujaannya sambil menemukan momen rehat yang benar-benar bermakna, ” kata Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, Juan Aranols.



Bagi meraikan pelancaran ini, KitKat® turut membawa pengalaman Formula 1® lebih dekat kepada peminat menerusi siri jelajah di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang. Pengunjung berpeluang menguji kemahiran melalui simulator perlumbaan dan merasai sendiri debaran seolah-olah berada di litar Formula 1®.



Lebih menarik, setiap pembelian KitKat® kini berpeluang membawa anda ke litar perlumbaan. Hanya beli produk KitKat® yang mengambil bahagian dengan pembelian minimum RM10. Kemudian, muat naik resit menerusi laman mikro peraduan atau WhatsApp untuk berpeluang memenangi lebih 1,000 hadiah sepanjang tempoh 12 minggu, termasuk barangan KitKat® F1® edisi kolaborasi yang ditawarkan menerusi siri jelajah seluruh negara. Seorang pemenang Hadiah Utama bakal menikmati pengalaman lengkap FORMULA 1 SINGAPORE AIRLINES SINGAPORE GRAND PRIX 2026 untuk dua orang, termasuk peluang menyaksikan aksi di Litar Jalan Raya Marina Bay serta penginapan hotel 5 bintang di tengah-tengah Singapura. Lima pemenang Hadiah Pertama pula masing-masing akan memenangi sepasang tiket Pit Grandstand 3 Hari untuk menikmati hujung minggu perlumbaan.

Rangkaian produk KitKat® Formula 1® edisi terhad kini boleh didapati di seluruh negara di pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka serta secara dalam talian menerusi Kedai Rasmi KitKat di Shopee dan Lazada. Dapatkan segera sementara stok masih ada.

Untuk maklumat lanjut mengenai peraduan, produk yang mengambil bahagian serta terma dan syarat penuh, layari pautan ini. Ikuti juga KitKat Malaysia di Facebook dan Instagram untuk perkembangan serta aktiviti terkini.

###

The F1 logo, FORMULA 1, F1, GRAND PRIX and related marks are trademarks of Formula One Licensing BV, a Formula 1 company. All rights reserved.
KITKAT and KITKAT logo and related marks are registered trademarks of Nestlé S.A. All rights reserved.

About Nestlé KitKat®

Created in 1935, KitKat® was first known as Rowntree Chocolate Crisp. Two years later, the name has changed to KitKat®. In 1988, KitKat® became part of Nestlé range of confectionery products. It grew to be the no. 1 chocolate brand in Malaysia, enjoyed by young and old as a light snack. Today, it is exported to more than 14 countries globally. KitKat® is 100% Halal and is produced locally at Nestlé's Halal-certified facility in Chembong, Negeri Sembilan.

"Have a break, have a KitKat®" has become a popular phrase, aptly describing the enjoyment of the chocolate-coated wafers whenever one needs to take a break amidst a busy and stressful moment.

Nestlé's KitKat® is the first global confectionary brand to be made from 100% sustainable cocoa sourced under the Nestlé's Cocoa Plan. The brand has pledged to be carbon neutral by 2025. KitKat® aims to reduce the emissions generated through the sourcing of its ingredients, the manufacturing of the product and its distribution by more than 50% as part of its plan.

About Nestlé Malaysia: Nourishing Malaysians for Over a Century

Since 1912, Nestlé has been dedicated to nourishing Malaysians and building their trust through our high-quality brands and products. We contribute to food security as well as to the health and well-being of the Rakyat through our trusted brands and a long-term commitment to Malaysia in the form of investments, employment, and various initiatives that uplift local communities. Today, we operate six factories, employing over 5,000 Malaysians, and we are the Halal Centre of Excellence for Nestlé globally. We are committed to providing halal, nutritious, and high-quality products with sustainability at the heart of our business practices - Made in Malaysia, by Malaysians, for all Malaysians.

As the world's largest food and beverage manufacturer, with our headquarters based in Switzerland, Nestlé operates in over 180 countries. With a workforce of over 270,000 dedicated employees, we are driven by our purpose to unlock the power of food, enhancing the quality of life for everyone, both today and for future generations. Our commitment to nutrition, health, and wellness guides our performance, ensuring we deliver on our promise of GOOD FOOD, GOOD LIFE.

To discover more about our century-long journey of nourishing Malaysians, please visit our website at https://www.Nestlé.com.my/ask-Nestlé/we-are-Nestlé.

For more information, please contact:

Shaheen Zaffar
Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6456
Mobile: +6012-235 6865
E-mail: shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com

Jeremy John
VoxEureka PLT
Tel: (+603) 5611 3411
Mobile: +6012 274 5255
E-mail: jeremy@voxeureka.com